

31/05/2002

Cuepacs yakin kerajaan ada formula terbaik ganti SSB

Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR, Khamis - Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) yakin kerajaan akan menentukan yang terbaik untuk kakitangan awam dalam penyemakan semula sistem matriks dalam Skim Saraan Baru (SSB).

Presiden Cuepacs Datuk N Siva Subramaniam, berkata walaupun keputusan mengenai skim itu dan formula baru kenaikan pangkat anggota perkhidmatan awam ditunggu sejak setahun lalu, adalah tidak wajar memaksa kerajaan membuat keputusan serta merta.

"Hari ini Cuepacs mengadakan perbincangan kali keempat dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengenai sistem yang menentukan tangga gaji bagi hampir sejuta kakitangan awam.

"Kebanyakan pandangan serta cadangan Cuepacs diterima pakai dalam laporan yang disediakan JPA dan akan diserahkan kepada kerajaan untuk dipertimbangkan.

"Saya yakin kakitangan kerajaan akan mendapat berita baik daripada kerajaan tidak lama lagi," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Siva berkata, beliau mengetuai sembilan pemimpin utama kesatuan manakala JPA diketuai ketua pengarahnya Datuk Jamaludin Ahmad Damanhuri pada pertemuan hari ini.

Mengikut sistem matriks SSB yang dilaksanakan sejak 1992, hanya lima peratus anggota kakitangan awam layak menerima pergerakan gaji secara menegak dan melintang setiap tahun. Bagaimanapun Cuepacs menuntut sistem matriks dihapuskan secara automatik kerana mendakwa 95 peratus kakitangan awam kecewa dengan skim itu.

Sebaliknya, Cuepacs mencadangkan SSB digantikan Sistem Gaji Tunggal (SGT) yang pada pendapatnya lebih telus, sistematik dan memberi tumpuan kepada kecekapan dan produktiviti pekerja.

Bagaimanapun, JPA tidak berminat melupuskan skim gaji tiga peringkat itu tetapi sebaliknya, sedia memperbaiki dan mengurangkan kelemahannya.

Siva berkata, Cuepacs turut mencadangkan Sistem Gaji Sebaris yang mengambil kira kebolehan dan kecekapan sebagai asas penilaian prestasi, diterima pakai bagi menggantikan SSB.

Katanya, sistem itu menuntut kakitangan awam lebih produktif tetapi ini tidak bermakna peningkatan gaji secara automatik diberi setiap tahun seperti diamalkan SSB.

Mac lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bersetuju SSB dikaji semula dan digantikan kaedah baru yang dapat diterima kakitangan awam kerana sistem sedia ada menerima banyak bantahan.

Perdana Menteri turut meminta Cuepacs mengemukakan cadangan kepada kerajaan supaya sistem itu dapat dipertingkatkan untuk kemudahan kakitangan awam.

Selain SSB, pendirian Cuepacs mengenai Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) dan Kuasa Ketua Jabatan yang mempengerusikan Panel Pergerakan Gaji (PPG) turut dimuatkan dalam memorandum bantahan itu.

Siva, yang enggan mengulas lanjut hasil perbincangan hampir dua jam dengan JPA hari ini, menegaskan kesatuan sekerja akan bersabar menantikan rumusan terbaik daripada kerajaan.

"Kerajaan mempunyai banyak isu lain yang lebih penting untuk diselesaikan dan berdasarkan kesediaan kerajaan memenuhi permintaan Cuepacs di masa lalu, saya yakin kita tidak akan dihampakan Perdana Menteri," katanya.

( END )